

**KAJIAN FAKTOR-FAKTOR PENENTU PEMILIHAN MOD  
PENGANGKUTAN BAGI PERJALANAN KE TEMPAT KERJA DI  
KALANGAN PEKERJA KERAJAAN**

**KAJIAN KES: MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

**SALMAH BINTI ADAM**

**Laporan Projek ini dikemukakan sebagai memenuhi  
sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**MEI 2007**

## ABSTRAK

Kesesakan lalulintas di Bandaraya Johor Bahru antara lain berpunca daripada penjanaan perjalanan yang dilakukan oleh pekerja kerajaan. Ini terbukti apabila penjanaan perjalanan ke tempat kerja di Johor Bahru adalah paling tinggi mencecah 452,495 perjalanan setiap hari dengan pekerja kerajaan menyumbang sebanyak 1.5 peratus daripada penjanaan perjalanan tersebut. Menurut, Laporan Teknikal RTD Johor Bahru 2003, modal split semasa bandaraya ini adalah 69:31 pada tahun 2003 manakala sasarannya pada tahun 2020 adalah 50:50. Kajian penyelidikan ini penting dilakukan dalam usaha membuat peralihan mod pengangkutan dari penggunaan mod pengangkutan persendirian kepada mod pengangkutan awam bagi mencapai modal split yang dikehendaki. Justeru, ianya penting bagi mengenalpasti faktor-faktor penentu pemilihan mod pengangkutan bagi perjalanan ke tempat kerja di kalangan pekerja yang meliputi ciri-ciri sosioekonomi pekerja, ciri-ciri perjalanan dan ciri-ciri sistem pengangkutan. Kawasan kajian meliputi dua bangunan kerajaan iaitu di Bangunan Wisma Persekutuan dan Bangunan Sultan Ibrahim yang terletak di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB). Teknik *Simple Random Sampling* dan *Cluster Sampling* digunakan bagi menentukan 400 responden yang dipilih untuk menjawab borang soal selidik. Hasil penemuan kajian menunjukkan 77 peratus responden menggunakan mod pengangkutan persendirian manakala 23 peratus responden menggunakan mod pengangkutan awam. Kajian ini mengenalpasti perkaitan di antara mod pengangkutan dengan faktor sosioekonomi, perjalanan dan sistem pengangkutan menggunakan analisis *Crosstabulation* dan Analisis Khi Kuasa Dua. Seterusnya, Model Regressi Binary Logistik dibentuk bagi menentukan faktor-faktor penentu pemilihan mod pengangkutan yang benar-benar memberi pengaruh yang kuat ke atas pemilihan mod pengangkutan yang dibuat. Hasil penemuan mendapati faktornya adalah bilangan pemilikan kenderaan, masa perjalanan dari rumah ke tempat kerja, masa perjalanan dari tempat kerja ke rumah dan kos perjalanan. Akhir kajian dapat dirumuskan mod perjalanan dengan faktor-faktor penentu pemilihan mod pengangkutan, cadangan mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian seperti menyediakan pelbagai mod alternatif, memperkenalkan skim "park and ride" dan meningkatkan mutu pengangkutan awam dalam usaha menggalakkan penggunaan mod pengangkutan awam bagi perjalanan ke tempat kerja di kalangan pekerja kerajaan.

## ABSTRACT

Congestion in Johor Bahru City is caused among others by trips generated by government servants. It can be estimated that the working trip generation in Johor Bahru is the highest reaching about 452,495 trip generations per day whereas government servants contribute about to 1.5 percent from that trip generation. According to Laporan Teknikal RTD Johor Bahru 2003, urban modal split is 69:31 in year 2003 while the target is 50:50 in year 2020. Because of that proof data, this research is important in the effort to change transportation among government servants mode from private to public transportation mode in order to achieve the desired modal split. So, the researcher wants understand the factors that influence mode choice in transportation among government servants that include factors of socioeconomic, trips and transportation system. The study area covered two governments building which are the Wisma Persekutuan Building and Sultan Ibrahim Building in the Johor Bahru City Council. The Simple Random Sampling and Cluster Sampling techniques are used to identify about 400 respondents to answer the designed questionnaires. The finding shows that 77 percent of the respondents traveled by private transportation whereas 23 percent of travel is made by public transportation. The research also focuses on the relationship and correlation between travel mode choice and factors such as socioeconomic, trip and transportation system by using the Chi Square Test and Crosstabulation Analysis. Futher, Binary Logistic Regression model has been formulated to identify the exact factors that influence mode choice for working trip. The findings also show that the factors influencing mode choice are number of car ownership, travel time from home to work place, travel time from work place to home and the travel cost involved. Finally, all the findings are summarised in terms of travel mode choice in relation to the study area, and factors that influencing travel mode choice. The research also suggests a transportation management plan such as provide varieties of transportation mode, introducing "park and ride" schemes, improving the quality of public transportation as part of an effort to encourage working trip by public transportation among government servants.